

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 09.12.2025 MASA: 4:00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI
PERTANDINGAN PENGUMPULAN BARANG ELEKTRIK
DAN ELEKTRONIK TERPAKAI ISI RUMAH SEBERANG
PERAI 2024 / 2025

TARIKH / MASA / TEMPAT
10 DISEMBER 2025 (RABU)
3.50 PETANG

AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA, MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

1. Yang Berbahagia Puan Ooi Guat Choo

EHS Manager Cycle Trend

2. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

3. Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**4. Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed
Sarajudin**

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap
Penyelaras Program

5. Pengawai-Pengawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**6. Rakan-Rakan Media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya
hormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. *Alhamdulillah*, marilah kita bersama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh makna ini bagi **Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Pertandingan Pengumpulan Barang Elektrik Dan Elektronik Terpakai Isi Rumah Seberang Perai 2024 / 2025**.
2. Hari ini kita bukan sahaja meraikan para pemenang, tetapi kita turut meraikan satu komitmen besar; komitmen seluruh warga Seberang Perai yang bersama membina budaya baharu: budaya mengurus sisa secara bertanggungjawab, budaya melindungi alam sekitar dan budaya mengambil peduli tentang masa depan generasi akan datang.
3. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada **pihak Cycle Trend Industries Sdn. Bhd.** atas kesudian menaja kesemua hadiah pertandingan ini. Dukungan sebegini membuktikan bahawa sektor industri turut memainkan peranan penting sebagai rakan strategik dalam agenda kelestarian bandar raya.
4. Ucapan terima kasih saya juga kepada komuniti Seberang Perai, pengusaha pusat kitar semula, panel penilai, serta semua pihak yang sentiasa berdiri teguh bersama MBSP dalam menyokong agenda ini.

Semangat sebegini wajar diperkasa dan dijadikan contoh teladan kepada masyarakat seluruh negara.

5. Pertandingan Pengumpulan Barang Elektrik dan Elektronik Terpakai ini merupakan satu usaha yang amat signifikan. Sisa elektrik dan elektronik atau *e-waste* bukanlah sisa biasa; ia mengandungi bahan toksik yang jika tidak diurus dengan betul, mampu memusnahkan tanah, mencemarkan air dan membahayakan kesihatan manusia.
6. Melalui program ini, pusat-pusat kitar semula digalakkan untuk mengumpul serta melupuskan sisa tersebut mengikut piawaian yang betul, sekali gus mengelakkan ia dibuang terus ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung. Usaha ini bukan sahaja memelihara alam sekitar, tetapi turut mengurangkan pelepasan karbon dan menyokong aspirasi bandar raya rendah karbon.
7. Pertandingan yang berlangsung dari 1 Januari 2024 hingga 30 Jun 2025 ini telah dibuka kepada semua pusat kitar semula di Seberang Perai, dengan penilaian dibuat berdasarkan berat barangan terkumpul. Selain hadiah bulanan, hadiah keseluruhan turut disediakan bagi mengiktiraf usaha berterusan peserta dalam menjayakan program ini. Saya percaya pengiktirafan sebegini dapat menyuntik motivasi, membina persaingan sihat serta mengekalkan momentum usaha pengurusan sisa elektrik dan elektronik secara mampan. Sehingga kini, program ini berjaya mengumpulkan **15.24 tan**

sisa elektrik dan elektronik; satu pencapaian membanggakan yang membuktikan perubahan sikap dan kesedaran masyarakat semakin meningkat.

8. Seberang Perai kini sedang melangkah dengan yakin ke arah pembentukan sebuah bandar raya yang berdaya huni, mampan, inklusif, hijau, kompetitif dan pintar. Pengurusan sisa; khususnya sisa elektrik dan elektronik, merupakan salah satu tunjang penting dalam mencapai matlamat tersebut. Usaha ini menyokong **SDG 12: Responsible Consumption and Production** serta **SDG 13: Climate Action**. Dengan kata lain, kita sedang membina sebuah ekosistem “*Smart Consumption*” yang menggalakkan masyarakat membuat pilihan bijak dalam penggunaan dan pelupusan barangan.
9. Di kesempatan ini, saya ingin menyeru agar komuniti Seberang Perai terus mempraktikkan pendekatan pengurusan alam sekitar secara holistik. Jadikan pengasingan sisa, pengurangan penggunaan, pembelian berhemah serta kitar semula sebagai gaya hidup seharian; bukan sekadar kempen bermusim. Bandar raya yang kita impikan tidak dapat dibina oleh kerajaan tempatan sahaja. Ia memerlukan tangan-tangan yang bergabung, hati-hati yang sehaluan dan komitmen semua pihak tanpa mengira peringkat.
10. Adalah menjadi harapan saya agar program ini bukan berakhir setakat pertandingan semata-mata, tetapi terus menjadi pemangkin kepada

kesedaran awam yang lebih meluas. Saya ingin melihat lebih banyak pusat kitar semula diwujudkan sebagai ejen perubahan; lebih ramai penduduk menjadikan amalan pengurusan sisa sebagai norma; dan lebih banyak kerjasama strategik antara MBSP, industri serta masyarakat untuk memperkukuh ekonomi kitaran (*circular economy*) di Seberang Perai.

11. Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah kepada semua pemenang serta penghargaan mendalam kepada semua peserta yang terlibat. Semoga kejayaan hari ini menjadi inspirasi kepada usaha-usaha masa hadapan demi kesejahteraan bumi yang kita kongsi bersama.

Marilah kita bersama menjadikan Seberang Perai sebagai contoh nasional dalam pengurusan *e-waste* yang bertanggungjawab dan lestari.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.